



KEMENTERIAN KERJA RAYA

# KENYATAAN MEDIA

## PENYERAHAN SERENTAK PROJEK SIAP PEMBINAAN BANGUNAN GANTIAN 18 BILIK DARJAH SMK DALAT DAN PEMBINAAN BANGUNAN BAHARU 12 BILIK DARJAH SMK SEMOP SERTA KEMUDAHAN BERKAITAN DI WILAYAH SARAWAK

**DALAT, SARAWAK** - Menteri Kerja Raya, Yang Berhormat Dato Sri Alexander Nanta Linggi hari ini telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Dua Projek Infrastruktur Pendidikan milik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang telah siap sepenuhnya di SMK Semop dan SMK Dalat, Sarawak. Penyerahan ini membuktikan komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam memastikan pelajar dan warga sekolah menikmati kemudahan pembelajaran yang lebih selesa, moden dan kondusif. Kedua-dua projek ini telah dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia menerusi Pasukan Projek Khas 2 (PPK2) dengan nilai keseluruhan melebihi RM37.7 juta.

2. Projek SMK Semop, Daro yang bernilai RM10,556,995.00 berjaya disiapkan oleh kontraktor KSB Global Sdn Bhd pada 16 Januari 2026, iaitu 164 hari lebih awal daripada jadual asal tanpa sebarang Lanjutan Masa (EOT). Projek ini melibatkan pembinaan sebuah blok akademik yang menempatkan 12 bilik darjah lengkap bersama kemudahan sokongan lain bagi memberikan suasana pembelajaran yang lebih selesa kepada para pelajar dan guru.

3. Bagi projek di SMK Dalat pula, pembangunan semula bangunan gantian bernilai RM27,198,398.14 telah berjaya disiapkan lebih awal 10 hari mengikut jadual pada 30 Disember 2025 oleh kontraktor Welfield Services Sdn Bhd. Projek ini merangkumi pembinaan blok akademik dengan 18 bilik darjah, bengkel, makmal serta kemudahan pengurusan sekolah. Selain itu, pelbagai fasiliti sokongan turut disediakan termasuk kantin, surau, sistem kumbahan moden serta menara tangki air berkapasiti tinggi demi memastikan keselesaan dan kebajikan warga sekolah.

4. Kedua-dua projek ini dilaksanakan menggunakan teknologi Building Information Modelling (BIM) dan sistem Industrialised Building System (IBS) bagi memastikan pembinaan dapat disiapkan dengan lebih berkualiti, teratur dan cepat. Pendekatan moden ini turut membantu menyediakan persekitaran sekolah yang lebih selamat, lestari dan sesuai untuk proses pembelajaran.

5. Kejayaan pelaksanaan projek secara Reka dan Bina ini mencerminkan kesungguhan Kerajaan MADANI dalam memperkukuh pembangunan pendidikan khususnya di Sarawak melalui penyediaan infrastruktur yang berkualiti demi manfaat rakyat. KKR turut merakamkan penghargaan kepada KPM atas kepercayaan yang diberikan kepada JKR Malaysia untuk melaksanakan projek ini sehingga siap dan diserahkan sepenuhnya.

6. Susulan penyerahan ini, JKR Malaysia akan terus memantau prestasi bangunan serta bekerjasama rapat dengan pihak kontraktor bagi memastikan segala tanggungjawab dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) dilaksanakan dengan baik selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

#Tamat#

**KEMENTERI KERJA RAYA**  
**8 JUN 2026**

#KKR  
#KearahKesejahteraanRakyat  
#KerajaanMADANI  
#MADANIBekerja  
#KerajaanMADANIrakyatdisantuni